

Bayar pampasan kepada peniaga

Oleh ZULKIFLI MANZOR
zulkifli.manzor@yahoo.com.my

KUALA LUMPUR - Pihak pengurusan UDA Holdings Berhad (UDA) disaran memberi pampasan kepada 167 peniaga dan penyewa di kompleks beli-belah Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) yang bakal kehilangan tempat berniaga pada tahun hadapan.

Setiausaha Barisan Nasional (BN) Bahagian Bukit Bintang, Frankie Gan Joon Zin berkata, pampasan sewajarnya perlu diberi kepada penyewa dan peniaga terbabit kerana sebarang projek pembangunan yang mahu dilaksanakan perlu mewujudkan situasi menang-menang kepada semua pihak terlibat.

"BN Bahagian Bukit Bintang tidak halang cadangan merobohkan BB Plaza untuk kerja-kerja pembangunan projek Transit Pantas Massa (MRT) pada awal tahun hadapan demi pembangunan, tetapi masa depan 167 penyewa dan peniaga terbabit juga perlu diberi perhatian.

"Oleh itu, BN Bahagian Bukit Bintang menggesa UDA memberi



KERATAN Kosmo! 27 Jun 2012.

pampasan kepada penyewa dan peniaga terlibat bagi mewujudkan suasana menang-menang kepada kedua-dua pihak," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Frankie berkata, pihaknya turut menggesa UDA menanggungkan kerja-kerja pembangunan projek berkenaan yang dijadual bermula pada 1 Julai ini bagi mengelakkan peniaga dan penyewa mengalami kerugian teruk.

Menurutnya, rancangan melaksanakan kerja pembangunan yang bermula pada tarikh itu tidak sepatutnya berlaku memandangkan bulan puasa bermula bulan depan.

Jelasnya, peniaga di BB Plaza



PARA penyewa dan peniaga di BB Plaza, Kuala Lumpur perlu diberi pampasan sewajarnya kerana terpaksa memberi laluan kepada pembinaan MRT.

mempunyai banyak stok barangan untuk dijual pada bulan puasa dan jika UDA meneruskan rancangan itu, maka peniaga berkenaan tidak dapat menjual stok perniagaan mereka.

Menurut Frankie, BN Bahagian Bukit Bintang akan menulis surat kepada UDA menuntut syarikat

berkenaan melaksanakan dua tuntutan terbabit demi masa depan peniaga dan penyewa di BB Plaza.

Kosmo! semalam melaporkan, pusat beli-belah ikonik di ibu negara, BB Plaza milik UDA Holdings Berhad (UDA) akan dirobuhkan sepenuhnya pada awal

tahun hadapan bagi memberi laluan kepada pembinaan stesen bawah tanah MRT oleh MRT Corp Sdn. Bhd. (MRT Corp).

MRT Corp memberi masa sehingga akhir tahun ini kepada peniaga termasuk kakitangan UDA untuk mengosongkan bangunan tersebut.